

Bab 5

Rumusan

Dari keseluruhan kajian luar, peristiwa yang amat menyedihkan ialah pengkaji pernah jumpa beberapa orang responden yang miskin yang tidak mampu membeli kerusi geroge atau pun kakitangan palsu terpaksa ‘berjalan’ dengan menggunakan tangan mereka seperti seorang bayi. Menurut mereka, mereka telah biasa dengan pandangan orang ramai, asalkan dapat berus hidup, pandangan aneh tidaklah menjadi masalah.

Penyelidikan ini cuba memaparkan tentang kehidupan segolongan masyarakat yang begitu kurang berasib. Rumusan yang dapat dibuat selepas penyelidikan ini ialah, tanpa bantuan segenap lapisan masyarakat dan juga usaha orang cacat sendiri, kehidupan orang cacat tidak akan dapat diperbaiki. Memandangkan Pertubuhan OCCM banyak kelemahannya, maka di sini dikemukakan beberapa cadangan untuk memperbaiki keadaan ini. Dalam konteks ini, cadangan-cadangan pengkaji bukan sahaja ditujukan kepada Pertubuhan OCCM, tetapi juga kepada orang cacat sendiri, pihak kerajaan dan masyarakat umum.

Cadangan-cadangan

5.1 Untuk Pertubuhan Orang Cacat Cina Malaysia

Sebagai sebuah pertubuhan kebajikan,Pertubuhan OCCM sememangnya berminat untuk memberikan sumbangan ahidmat bakti kepada golongan yang kurang bernasib baik dan nampaknya mereka sedang berusaha untuk mencapai cita-cita mutu ini.Ia telah berjaya mengumpul dan menjalin hubungan wera di kalangan orang cacat kaum Cina.Walaupun bagaimana pun, Pertubuhan tidak harus mengabaikan kritikan ahli terhadap perkembangannya.Kellemahan utama Pertubuhan OCCM adalah tidak merancangkan satu program yang benar-benar progresif untuk melatih dan membantu ahli-ahli supaya dapat hidup berdikari. Misalnya mengenai isu membina kilang, tiada satu tempoh tetap,katakan 5 tahun atau 10 tahun, supaya projek ini siap dijalankan.Ini amat mengecewakan ahli kerana mereka seolah-olah sedang menanti sesuatu yang tidak mungkin dicapai, sedangkan harapan ini merupakan jalan tunggal untuk memperbaiki keadaan hidup mereka.Maka dalam keadaan yang kekurangan latihan kemahiran,rayuan bantuan wang dan barang dari ahli memang tidak dapat dipersoalkan lagi kerana jika tanpa wang dan kemahiran yang menjadi sumber pendapatan mereka, bagaimanakah mereka dapat terus hidup? Dalam hal ini, pihak pentadbir Pertubuhan harus menyediakan satu projek latihan yang progresif dengan secepat mungkin agar keperluan golongan sasaran mereka benar-benar dapat dipenuhi.

Di samping itu, pada pendapat pengkaji,pihak Pertubuhan juga harus menyediakan lebih banyak aktiviti

untuk ahli-ahlinya dan kesemua aktiviti yang dijalankan sepatutnya dilaporkan dalam akhbar-akhbar tempatan supaya lebih ramai rakyat Malaysia sedar tentang kewujudan serta keperluan Pertubuhan. Ini secara tidak langsung akan dapat menambah ketimpahan derma Pertubuhan kerana jika keperluan sebenar Pertubuhan kurang diketahui oleh orang ramai, tiada tungsum mereka akan memberi bantuan kepadanya.

Untuk menjayakan perkhidmatan sesebuah pertubuhan wajibkan kerja pentadbiran yang kemas dan licin memainkan peranan yang amat penting. Dalam hal ini, suatu badan pentadbiran yang bertanggungjawab sungguh diperlukan. Pertubuhan OOCM mempunyai satu struktur pentadbiran yang agak baik memandangkan setiap bahagian ada pentadbir yang bertugas seperti Bahagian Kebajikan, Bahagian Rekreasi dan sebagainya. Tetapi pihak Pertubuhan harus memastikan setiap orang Ahli Jawatankuasa yang dipilih adalah mereka yang benar-benar bertanggungjawab dan berhasrat untuk memberi perkhidmatan kepada para ahli. Kelemahan badan pentadbiran di peringkat negeri tidak harus dibiarkan begitu sahaja. Pentadbiran Pertubuhan patut disusun semula agar kepentingan ahli-ahli di peringkat negeri tidak diabaikan.

Di samping itu, pengkaji barpendapat para pentadbir juga seharusnya selalu meluangkan masa untuk berinteraksi dengan ahli-ahli supaya

masalah dan keperluan mereka dapat diketahui dengan lebih jelas lagi di samping mengetahui kelemahan Pertubuhan menurut pandangan ahli dari perhubungan sesama mereka. Pengkaji percaya bahawa pergaulan, kontak dan interaksi yang lebih sering, mendalam dan mesra antara para pentadbir dan ahli-ahli Pertubuhan akan membantu mengurangkan perasaan presangka atau pandangan negatif yang boleh menghancurkan Pertubuhan ini. Pergaulan ini mestilah juga di peringkat informal dan bukan di peringkat formal sahaja.

5.2 Untuk Ahli-ahli Pertubuhan QCCM

Kritikan ahli-ahli terhadap Pertubuhan yang mereka sertai tidak harus diabaikan. Tetapi seperti apa yang dikatakan oleh para pentadbir Pertubuhan, sebagai orang cacat yang memikirkan tentang masa depan mereka sendiri, mereka tidak patut mengharapkan bantuan dari orang lain sahaja dan jika keperluan tidak dapat dipenuhi oleh pihak-pihak yang diharapkan, mereka tidak wajar mengkritik dan membidasnya. Tidak dapat difasikkan bahawa terdapat pemikiran sempit di kalangan masyarakat terhadap orang cacat, tetapi di sebaliknya, pada pandangan pengkaji, di kalangan para orang cacat juga terdapat pemikiran sempit yang harus ditinggalkan secepat mungkin demi kebahagiaan masa depan mereka. Pemikiran orang cacat harus berubah. Orang cacat tidak harus memandang rendah terhadap diri sendiri bahawa mereka adalah segolongan

masyarakat yang tidak berguna dan tidak produktif untuk negara. Di kalangan orang cacat perlu wujud kesedaran bahawa setiap insan adalah sama tidak kira ia cacat atau sihat. Pemikiran macam yang sedemikian bukan sahaja dapat membina 'self esteem' orang cacat yang sihat tetapi juga akan mengajarkan orang cacat supaya berusaha untuk hidup terwujud dan bukan menjadi bebanan keluarga dan masyarakat.

Tetapi malangnya, pemikiran matang yang sedemikian jarang wujud di kalangan orang cacat. Sebaliknya mereka selalu sahaja menantikan bantuan kebaikan dari orang ramai untuk meneruskan kehidupan mereka. Pengkaji sendiri pernah berjumpa orang cacat yang berjudi, menghisap dadah dan sebagainya kerana menurut mereka, kehidupan seseorang yang cacat adalah berbeza daripada mereka yang sihat. Orang sihat boleh mengidam-idamkan masa depan yang bahagia, tetapi orang cacat tidak ada masa depan, mereka hanya hidup untuk mati. Oleh itu, apa yang mereka boleh buat sekarang ialah menghiburkan diri tanpa memikirkan apa yang akan berlaku pada kesokan hari. Sikap negatif yang sedemikian boleh menghalang orang cacat dari mencapai kemajuan dalam kehidupan.

Sebagai seorang ahli Pertubuhan Orang Cacat pulak, orang cacat juga tidak harus menanya apa yang boleh diberikan oleh Pertubuhan yang mereka anggotai sahaja, tetapi ia juga harus menanya diri sendiri bahawa 'apakah yang

masarakat yang tidak berguna dan tidak produktif untuk negara. Di sebaliknya orang cacat perlu wujud kesedaran bahawa setiap insan adalah sama tidak kira ia cacat atau sihat. Pemikiran matang yang sedemikian bukan sahaja dapat membina 'self esteem' orang cacat yang sihat tetapi juga akan memberi semangat orang cacat supaya berusaha untuk hidup sendiri-sendiri tanpa menjadi bebanan keluarga dan masyarakat.

Tecapi melangnya, pemikiran matang yang sedemikian jarang wujud di kalangan orang cacat. Sebaliknya mereka selalu sahaja menantikan bantuan kebajikan dari orang ramai untuk meneruskan kehidupan mereka. Rengkaji sendiri pernah bertemu dengan orang cacat yang berjudi, menghisap dadah dan sebagainya kerana menurut mereka, kehidupan seseorang yang cacat adalah berbeza daripada mereka yang sihat. Orang sihat boleh mengidam-idamkan masa depan yang bahagia, tetapi orang cacat tidak ada masa depan, mereka hanya hidup untuk mati. Oleh itu, apa yang mereka boleh buat sekarang ialah menghiburkan diri tanpa memikirkan apa yang akan berlaku pada esokan hari. Sikap negatif yang sedemikian boleh menghalang orang cacat dari mencapai kemajuan dalam kehidupan.

Sebagai seorang ahli Pertubuhan Orang Cacat pula, orang cacat juga tidak harus menanya apa yang boleh diberikan oleh Pertubuhan yang mereka anggotai sahaja, tetapi ia juga harus menanya diri sendiri bahawa 'apakah yang

Mereka dapat sumbangkan kepada Pertubuhan mereka? Dalam konteks ini, pengkaji mendapati di kalangan responden yang ditemui terdapat beberapa orang di antara mereka yang mempunyai hasrat yang agak berlainan dengan ahli-ahli yang lain apabila memasuki Pertubuhan. Mereka berhasrat untuk memberi bantuan apabila ahli-ahli lain yang berkeperluan misalnya ahli-ahli yang baru menjadi cacat dan tidak dapat meremehkan kewajipan kebaikan. Mereka dapat membantu ahli-ahli yang seumpamian dengan pengalaman-pengalaman mereka dan memberi sokongan moral kepada ahli-ahli tersebut supaya menghadapi cabaran hidup dengan hati yang tabah. Sikap sedemikian amat diperlukan dalam sebuah pertubuhan kerana ia dapat membantu pihak pentadbir menjalankan kerja-kerja kaunselling yang tidak sempat dijalankan di kalangan ahli begitu ramai. Tetapi hasrat ini juga jarang wujud di kalangan ahli-ahli Pertubuhan. Bahkan menurut kajian yang telah dijalankan, sering kali tanggungjawab minima sebagai seorang ahli pertubuhan iaitu menyertai Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan, juga tidak dilaksanakan oleh kebanyakan ahli-ahli Pertubuhan. Walaupun beratus-ratus orang ahli telah mengambil bahagian dalam mesyuarat, tetapi adalah menghamparkan apabila pengkaji diberitahu oleh setengah-setengah responden bahawa jika tidak ada makanan dan penginapan di hotel yang percuma, dan tidak ada pertandingan nyanyian karaoke sempena mesyuarat, mereka tidak

akan menyertai mesyuarat yang bosan itu.

Sikap ini tidak harus wujud di kalangan ahli negara. Meryercai mesyuarat agung merupakan tanggungjawab seorang ahli. Pertubuhan orang cacat ditubuhkan bukan menghalalkan keuntungan tetapi untuk kebajikan orang cacat. Orang ditubuhkan buas untuk orang cacat, jika orang cacat sendiri buas memberi sokongan kepada Pertubuhan, siapakah yang akan berkorangnya? Jadi jika tanpa sokongan ahli-ahli, kewujudan Pertubuhan adalah tidak bermakna lagi. Dengan itu, ahli-ahli Pertubuhan haruslah mengubah sikap mereka dan bersama-sama membina sebuah pertubuhan yang lebih berkesan dalam memberi perkhidmatan kebajikan kepada golongan sasaran dan mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat mengenai masalah mereka.

5.3 Untuk Masyarakat Umum

Sebagai rakyat Malaysia, kita tidak patut mengabaikan peranan atau tanggungjawab kita untuk membina satu masyarakat yang sihat dan makmur. Tetapi malangnya adalah tidak dapat dinafikan bahawa terdapat pandangan umum yang mengaitkan orang cacat sebagai sekumpulan masyarakat yang tidak berguna dan tidak produktif untuk negara, bahkan menjadi beban negara. Di kalangan masyarakat, lazimnya telah wujud prasangka atau stereotaip tentang orang cacat.

Pengkaji sendiri pernah mendengar aduan salah seorang responden bahawa,"bila saya di darjah dua, guru saya suruh saya tidak payah datang ke sekolah lagi kerana saya amat leceh dengan kerusi beroda." Stereotaip yang sedemikian harus dibuangkan demi pembangunan negara kita.Sebagai seorang pendidik atau pengasuh, peranan seseorang guru adalah tidak kurang pentingnya dalam membina sikap dan peribadi seorang murid cacat sejak muda lagi. Jika prasangka sedemikian masih wujud, kita tidak akan dapat untuk membina peribadi yang sihat di kalangan orang cacat.

Sebagai seseorang rakyat yang berperikemanusiaan,kita tidak harus memandang rendah terhadap orang cacat. Orang cacat tidak mahu hidup dalam kesepian dan kesengsaraan. Mereka juga selalu digolongkan sebagai sekumpulan masyarakat yang pasif,tetapi haruslah difahamkan bahawa lazimnya bukan keadaan fizikal mereka yang ketidakupayaan menjadikan mereka pasif, tetapi sebaliknya adalah pandangan orang ramai yang memaksa mereka supaya menjadi pasif. Kontak yang cetek dan juga pengetahuan mengenai kecacatan yang kurang telah melahirkan perasaan prasangka terhadap orang cacat. Misalnya dari pengalaman pengkaji, apabila seseorang diberitahu Encik X yang cacat akan berkahwin,ia akan terkagum dan menanya,"bolehkah orang cacat berkahwin dan melahirkan anak?"Ini menunjukkan

Secetekan pengetahuan kita tentang kecacatan. Walaupun negara kita telah mencapai kemajuan , tetapi masih terdapat pemikiran sempit seperti yang disebutkan. Kita perlu berubah. Orang cacat bukan sekadar memerlukan bantuan kewangan dan barangang sahaja, mereka tetap seperti orang biasa yang memerlukan galakan, sokongan dan persahabatan. Perkataan seperti ini telah dikemukakan oleh Harris,Cox & Galt (1971,par. 37) dalam kajiannya yang bertajuk 'Handicapped and Impaired in Great Britain'.

Menurut mereka, personaliti orang cacat tidak sahaja dibina berdasarkan kebijaksanaan dan kelayakan (taraf pendidikan) orang cacat itu sendiri,tetapi juga bergantung kepada sokongan yang diperolehi,sama ada sokongan atau galakan yang positif atau negatif.Sokongan positif adalah mudah difahami,tetapi apa itu sokongan atau galakan negatif? Menurut mereka, galakan atau sokongan kepada seseorang orang cacat perulah tepat pada masa dan kena pada keperluannya. Kadang-kala bantuan yang 'berlebihan' seperti orang cacat tidak berupaya untuk bekerja atau tidak membenarkan menyertai aktiviti tertentu, kesemua ini boleh men-'bebani' seorang orang cacat.

Kesungguhan pihak kerajaan untuk memberi bantuan kepada orang cacat tidak akan berhasil jika tiada sokongan orang ramai.Selain daripada mengubah pandangan kita

terhadap orang cacat seperti yang telah disebutkan, kerajaan memerlukan lebih ramai orang yang rela memberi bantuan kepada orang cacat. Kita memerlukan lebih banyak organisasi atau pertubuhan kebajikan untuk menyediakan perkhidmatan kebajikan kepada orang cacat yang kian meningkat bilangannya. Selain itu, kita mengharapkan pihak swasta dapat mendirikan lembaga-lembaga yang bertujuan untuk menyalurkan perkhidmatan kebajikan, kilang atau syarikat yang berada di sini untuk membuat dan mengupah pekerja-pekerja cacat sebagai badan dan segala perkhidmatan yang dapat memperbaiki kehidupan orang cacat. Ini disebabkan bantuan yang dapat diberikan oleh pihak kerajaan adalah terhad. Di negara kita, hanya terdapat sebuah pusat pemulihan untuk mereka yang cacat anggota badan yang dianjurkan oleh pihak kerajaan iaitu Pusat Pemulihan yang terletak di Cheras, Kuala Lumpur. Dengan itu, kerjasama dari pihak swasta untuk menjalankan kerja kebajikan yang tidak mementingkan keuntungan ini adalah amat diperlukan. Kehidupan orang cacat tidak dapat bergantung sahaja kepada derma dari orang ramai atau 'Ang Pao' dan hadiah-hadiah yang diberikan sekali-sekala semasa hari perayaan. Mereka memerlukan latihan kemahiran yang boleh dijadikan sasaran mereka untuk mendapatkan pekerjaan dan pendapatan mereka. Justeru itu, bantuan kebajikan dari segera lapisan masyarakat amat diharapkan.

Di samping itu, bagi seseorang yang benar-benar berhasrat untuk membantu orang cacat, satu cara yang boleh

digunakan ialah dengan menghubungi salah sebuah Pertubuhan Kebajikan dan memilih salah seorang daripada ahli-ahli di dalamnya untuk dijadikan 'anak angkat'. Dengan cara ini kita boleh membantu menjaga kehidupan 'anak angkat' dengan memberi perbelanjaan kehidupannya setiap bulan. Cara ini sebenarnya jarang digunakan di negara kita jika berbanding dengan negara-negara barat. Cara ini amat berguna kerana di samping meninggalkan beban Pertubuhan Kebajikan tersebut, juga akan menjamin kehidupan orang cacat tersebut (terutamanya orang yang cacat teruk dan tiada jagaan keluarga) jika bantuan tidak dapat diberikan oleh pihak Pertubuhan. Selain daripada itu, cara ini baik dijalankan untuk kanak-kanak yang terencat akal yang telah ditinggalkan oleh ibu bapa dan dibiarkan hidup dalam pusat pemulihan anjuran Kementerian Kebajikan. Kanak-kanak tersebut hidup dalam kesengsaraan tanpa jagaan rapi dari pihak pusat pemulihan disebabkan masalah kewangan, maka jika ada sesiapa yang rela memberikan bantuan kewangan kepada mereka, ini seolah-olahnya telah memberi penghidupan baru kepada mereka yang amat mengharapkan bantuan.

Pertubuhan CCCM juga menghadapi masalah kewangan yang kian meruncing. Mereka juga memerlukan bantuan dari orang ramai dan pada hakikatnya, penerusan Pertubuhan juga bergantung kepada bantuan kewangan dari orang ramai kerana ia tidak mendapat bantuan geran dari pihak kerajaan.

Melalui kajian yang telah dijalankan, didapati derma yang dapat dipungut adalah sedikit jika dibandingkan dengan kerluan ahli ahli Pertubuhan, dan dari senarai Laporan Kewangan Pertubuhan didapati bahawa derma kepada Pertubuhan OCCM adalah hanya terdiri daripada majikan-majika atau individu-individu yang sejasa tina sahaja. Menurut para pentadbir Pertubuhan, ia adalah tidak adil jika tidak akan memberi derma kepada Pertubuhan kerana ia buat suatu pertubuhan kebaikan untuk kaum kita sahaja. Ini telah menimbulkan kesangsian pengkaji. Adakah kita boleh mengira soal bangsa dan warna kulit dalam menjalankan kerja-kerja kebaikan yang bertujuan untuk membantu mereka yang kurang bernasib? Atau kita hanya memberi bantuan sahaja tanpa mengambil kira faktor-faktor tersebut? Pada pandangan pengkaji, setiap orang adalah sama dan patut dibantu dengan tidak mengira bangsa atau kaum. Misalnya dalam kes peletupan bunga api di Sungai Buluh, kelihatan setiap kaum, tiada kira jenis bangsa, telah bersama-sama memberi bantuan kewangan dan barang kepada mangsa-mangsa kebakaran tersebut. Semangat ini patut kekal dalam sanubari orang ramai tiada kira sempai dan rasa asar membentuk bangsa Malaysia yang kuat dan bekerjasama. Dengan itu dalam memberi bantuan kepada sesebuah pertubuhan yang diorientuk oleh satu-satu kaum di negara kita seperti Pertubuhan OCCM, prasangka yang bersifat perkauman juga tidak harus wujud di kalangan masyarakat kita yang berbilang kaum.

5.4 Untuk Pihak Kerajaan

Orang cacat juga mengharapkan bantuan dari pertubuhan yang mereka sertai, mereka juga mengharapkan bantuan dari pihak kerajaan. Seperti yang telah dibincangkan dalam hasil pertemuan kajian ini, kerajaan telah dan sedang mengadakan perbagai rancangan dalam bidang-bidang tertentu untuk memberi bantuan kepada orang cacat, tetapi alih-alih kerana kekurangannya sukaongan dari masyarakat umum, perlaksanaan serta kesan cari pada rancangan-rancangan tersebut kadang-kadang bertentangan dengan tujuan yang mula-mula diinginkan.

Masalah yang dihadapi oleh orang cacat tidak harus dipandang ringan oleh pihak kerajaan tetapi kerajaan perlu mengadakan usaha yang tegas supaya masalah-masalah di kalangan golongan masyarakat yang kurang bernasib ini akan berkurangan kalaupun tidak terus hilang. Sebagai contoh, masalah kadar keciciran dalam pelajaran yang tinggi di kalangan orang cacat tidak harus diabaikan. Pihak kerajaan patut membina lebih banyak sekolah yang sesuai untuk murid-murid cacat kerana lazimnya kemudahan dalam sekolah-sekolah yang tidak sesuai untuk kegunaan orang cacat telah menyekat mereka dari bersekolah. Oleh itu, dengan pembinaan lebih banyak sekolah yang mengandungi kemudahan-kemudahan seperti ramp dan tandas yang sesuai untuk murid-murid cacat, bukan

rahaja dapat mengurangkan kadar kecinciran di kalangan orang cacat, tetapi juga akan membantu untuk membina sebuah masyarakat yang lebih maju mendangkan di kalangan orang cacat. Maka kekurangan mereka yang cerdik yang boleh menyumbangkan pengetahuan untuk pembangunan negara.

Di samping itu, pihak kerajaan harus memperbaiki sistem kakitangan dilantik atau pusat-pusat latihan untuk melatih orang cacat yang memerlukan kemahiran. Tujuan kerajaan juga dapat dicapai dengan mempercepatkan pemberian lesen kepada mereka yang berhasrat untuk mendirikan kilang-kilang latihan untuk orang cacat. Misalnya dalam kes Pertubuhan QCCM yang telah lama memohon kebenaran untuk mendapatkan tanah bagi pembinaan kilang latihan pihak kerajaan sepatutnya memberikan sebenaran dengan seberapa cepat yang mungkin kerana susah hendak mendapat kerelaan pihak-pihak untuk menjalankan perusahaan yang tidak memberi tanggungan keuntungan seperti. Di samping itu, pihak kerajaan boleh memperbanyak jumlah jawatan yang ditawarkan kepada orang cacat dalam sektor awam supaya jadi semai orang cacat akan dapat bekerja untuk menampung keperluan hidup mereka. Misalnya jumlah jawatan dikhaskan untuk orang cacat sebanyak 1% sekarang dinaihkan ke 2%.

Selain daripada itu, adalah diharapkan supaya kerajaan akan memenuhi permintaan orang cacat, yakni memberi kemudahan-kemudahan yang sesuai untuk digunakan oleh

orang cacat dalam tempat atau bangunan awam. Misalnya tandas, tempat letak kendaraan orang cacat, telefon awam, tempat laluang yang sesuai untuk laluang kerusi beroda dan sebagainya.

Kerajaan memainkan peranan penting dalam membantu dan memajukan kesedaran di kalangan masyarakat mengenai masalah orang cacat. Kempen-kempen perlu diadakan sekalimaka supaya masyarakat umum tidak akan melupakan tanggungjawab untuk memberi bantuan yang sewajarnya kepada orang cacat. Selain daripada menyuru orang ramai supaya memberi khidmat kebaikan kepada orang cacat, kempen-kempen atau ceramah-ceramah boleh juga diadakan untuk memberi pengetahuan kepada orang ramai tentang bidang kecacatan supaya orang ramai akan berhati-hati mencegahkan diri dari pada menjadi cacat. Misalnya Kempen Keselamatan Jalanraya walaupun tidak secara langsung berkait dengan masalah kecacatan, tetapi ia juga dapat membantu mengurangkan bilangan orang cacat di negara kita kerana jika hadir keselamatan jalanraya di negara kita berkurangan, maka bilangan orang cacat juga akan berkurangan. Di samping itu, Kempen Kesihatan khas untuk ibu-ibu yang mengandung juga harus diadakan untuk mencegah dari melahirkan anak cacat.

Untuk menjayakan rancangan-rancangan kebaikan, suatu program yang benar-benar progresif

diperlukan.Dalam konteks ini Kementerian Kebajikan Masyarakat memainkan peranan yang amat penting agar menjamin keberkesanan perlaksanaan segala program perkhidmatan untuk orang cacat.

Kajian ini telah memberi kita suatu gambaran mengenai masalah dan keperluan orang cacat,di samping menunjukkan sejauhmana berkesannya bantuan sesebuah pertubuhan kebajikan untuk memberi bantuan kepada ahli-ahli mereka dengan menggunakan pertubuhan OCCM sebagai sampel kajian.Akhir kata , adalah diharapkan kajian ini sekurang-kurangnya akan menimbulkan kesedaran yang lebih luas tentang perniyatannya melakukan kerja-kerja kebajikan kepada ahli masyarakat yang kurang bernasib baik.